

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 03 MAC 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

### RM1 billion lahir usahawan baharu

PM minta GLIC, GLC pikul tanggungjawab latih 100,000 pelatih TVET bumiputera

## RM1 bilion lahir usahawan baharu

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

**PUTRAJAYA** – Kerajaan mengumumkan tujuh inisiatif baharu dalam memperkasakan ekonomi bumiputera termasuk meluluskan dana permulaan RM1 bilion bagi melahirkan usahawan baharu dalam kalangan bumiputera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, usaha melahirkan usahawan bumiputera itu akan diperlakukan dengan serius oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat berkaitan pelaburan kerajaan (GLIC).

Kerajaan harus memberi dukungan dan sokongan bagi mencipta lebih ramai usahawan bumiputera seperti Aerodyne yang berjaya menembusi pasaran global dalam perkhidmatan dron.

"Kita juga mesti berbangga dengan syarikat bumiputera seperti Les Copaque dan Animosta yang mengungguli karya kreatif selain kejayaan usahawan muda



ANWAR (tengah) selepas merasmikan Majlis Penutup Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 dengan membawa buku Resolusi Laporan KEB 2024 di Pusat Konvensyen Putrajaya semalam. – AMIR KHALID

Khairul Amin," katanya ketika berucap pada majlis penutup Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 di sini semalam.

Katanya, kerajaan juga bersetuju mewujudkan Tabung

Wakaf Mara Madani dengan sasaran dana berjumlah RM1 bilion dalam tempoh dua tahun yang akan diterajui oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Perdana Menteri berkata,

Tabung Wakaf Mara Madani itu akan dilaksanakan oleh Yayasan Pelajaran Mara dan ia dijangka akan memberi manfaat kepada 70.1 peratus rakyat bumiputera sekali gus memastikan keterja-

minan pendidikan, kebijakan, kesihatan, keusahawanan dan pengangkutan.

Sebagai tambahan kepada menyokong institusi TVET tempatan, Menteri Kewangan itu berkata, kerajaan dengan kerjasama GLIC, GLC serta badan-badan swasta terpilih memberi komitmen untuk melatih seramai 100,000 pelatih TVET dalam tempoh lima tahun termasuk menyediakan kepada golongan berkenaan tawaran pekerjaan dengan sasaran gaji sekurang-kurangnya RM3,500 sebulan.

"Syarikat yang terlibat termasuk Petronas (industri minyak dan gas), Sime Darby (perlada-nan), MRCB (pembinaan), TNB (tenaga bahan baru) dan Telekom Malaysia (digital).

"Maka, saya seru semua pihak untuk merangkul seluruh kekuatan dan tenaga, bagi kita mencapai sasaran untuk melatih serta menyediakan peluang pekerjaan dengan gaji setimpal kepada 100,000 pelatih," katanya.